



MITI.700-5/4/32 (1)

3 Julai 2019

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SISTEM ePERMIT BAGI MEMPROSES LESEN IMPORT (AP) KENDERAAN PERSENDIRIAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai langkah penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan Kerajaan dan inisiatif integrasi di bawah *National Single Window*, adalah dimaklumkan proses **permohonan lesen import (AP)** bagi **kenderaan persendirian** akan menggunakan sistem ePermit **berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019**.

3. Berbeza dengan sistem sedia ada, sistem ePermit tidak memerlukan kehadiran pemohon ke ibu pejabat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi mengemukakan permohonan AP untuk kenderaan persendirian yang ingin diimport. Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*online*) di mana-mana sahaja. Selain itu, AP yang diluluskan tidak perlu dicetak di MITI kerana sistem ini adalah berkonsepkan *paperless* sepenuhnya. Ingin dimaklumkan bahawa syarat-syarat permohonan hendaklah dipatuhi sebelum sebarang permohonan dibuat melalui sistem *online*. Maklumat mengenai syarat-syarat ini boleh didapati dari portal MITI (www.miti.gov.my).

4. Bagi tujuan penggunaan sistem ini, terdapat caj perkhidmatan yang akan dikenakan oleh syarikat penyedia perkhidmatan, Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. Kadar caj perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

Perkara	Fi	Cukai Jualan & Perkhidmatan (6%)	Jumlah keseluruhan
Yuran Pendaftaran (1 time fee)	RM 100.00	RM 6.00	RM 106.00
Permohonan AP yang berjaya	RM 5.00	RM 0.30	RM 5.30
Bayaran perkhidmatan 'banking online payment'	RM 2.00	RM 0.12	RM 2.12

5. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk segera menghebahkan makluman ini kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) masing-masing amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dirujuk ke:

- i. Seksyen Kawalan Eksport dan Import, MITI:

Tel : 03-6208 4970

Faks: 03-6206 2823

Laman Web : <http://www.miti.gov.my>

Email: ap@miti.gov.my

dan

- ii. Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.:

Tel : 03-2730 0200

Faks : 03-2713 2121

Careline : 1300 133 133

Laman Web : <http://www.dagangnet.com>

Emel : info@dagangnet.com / careline@dagangnet.com

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ZABIDAH SAFAR)

Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Wilayah Persekutuan Putrajaya
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Inspektorat
Kementerian Luar Negeri Malaysia
Kompleks Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra
Presint 2,
Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 Wilayah Persekutuan Putrajaya
3. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5,
Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Wilayah Persekutuan Putrajaya
4. Pengarah
Bahagian Penganjuran Pelajaran
Majlis Amanah Rakyat
Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur
5. Pengarah
Malaysia My Second Home Centre (MM2H)
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Level 1, No.2, Tower 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Wilayah Persekutuan Putrajaya
6. Ketua Pegawai Eksekutif
TalentCorp Office
Level 6, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Salinan Kepada:

1. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia
No 26, Jalan Tun Hussein
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
3. Ketua Pengarah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Kompleks Kementerian Kewangan No 3,
Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62596 Wilayah Persekutuan Putrajaya
4. Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Aras 5, No. 26, Jalan Tun Hussein
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
5. Ketua Pegawai Eksekutif
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Tower 3, Avenue 5,
The Horizon, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur